

UNTUK SIARAN SERTA-MERTA

SIARAN MEDIA



Angka Perolehan Nestlé cecah RM5 bilion bagi TK2016 walaupun hadapi suasana mencabar

SOROTAN PENTING

- Prestasi hasil dan keuntungan lebih baik bagi TK2016, dipacu oleh inovasi produk serta promosi pemasaran dan dagangan yang berjaya.
- Untung Selepas Cukai RM637 juta, naik 7.9% berbanding tahun sebelumnya.
- Dividen akhir RM1.30 sesaham dicadangkan di Mesyuarat Agung Tahunan.

KUALA LUMPUR, 27 April 2017 – Nestlé (Malaysia) Berhad mencatatkan prestasi memberangsangkan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016. Hasil Kumpulan juga mencecah RM5 bilion dengan mencatatkan Perolehan berjumlah RM5.1 bilion pada tahun 2016. Angka ini merupakan peningkatan 4.7% berbanding tahun sebelumnya. Walaupun menghadapi cabaran getir pada tahun 2016, Kumpulan mencatatkan Untung Selepas Cukai lebih tinggi berjumlah RM637 juta, iaitu kenaikan 7.9% berbanding tahun sebelumnya.

En. Alois Hofbauer, Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé (Malaysia) Berhad, mengulas selepas Mesyuarat Agung Tahunan Kumpulan: “Kumpulan terus dipacu oleh strategi FIT jangka panjang kami, yang mewakili tunggak pertumbuhan penting, iaitu ‘Menjana Demi Pertumbuhan’, ‘Inovasi Demi Pertumbuhan’ dan ‘Transformasi Demi Pertumbuhan.’ Strategi ini terbukti berkesan, berasaskan prestasi kami pada tahun yang dilaporkan.”

Jualan domestik menjadi penyumbang utama kepada prestasi Kumpulan pada TK2016, dengan pertumbuhan 3.3%. Pertumbuhan ini dicapai terutamanya kerana inovasi produk dan juga promosi pemasaran dan perdagangan yang berjaya, yang membolehkan Kumpulan untuk meluaskan bahagian pasaran dalam kategori produk utama. Tambahan lagi, penjimatan

daripada harga komoditi dan kos perkilangan lebih rendah, serta daripada rangkaian pembekalan dilaburkan semula ke dalam promosi pemasaran dan perdagangan yang lebih kukuh dan kepada pelancaran produk baru. Perniagaan eksport juga mencatatkan pertumbuhan mantap, dengan peningkatan 9.6%.

Antara inovasi yang diperkenalkan pada tahun 2016 termasuk Mesin Kopi NESCAFÉ Gold Blend Barista, Mi Goreng Perisa Kari MAGGI OATMEE, Susu NESTLÉ OMEGA PLUS dengan Oat, NESTLÉ BLISS GO dan konfeksi sejuk beku MILO. Di samping itu, Kumpulan telah melaksanakan model perniagaan inovatif termasuk KIT KAT Chocolatory yang pertama di Asia Tenggara, dan juga meningkatkan perniagaan e-Dagang kami sebanyak tiga kali ganda serta melancarkan gedung kesejahteraan e-Dagang berbilang jenama kami yang utama.

Sebagai sebahagian daripada komitmen Kumpulan untuk menambah nilai kepada pemegang saham, Lembaga Pengarah telah mencadangkan dividen akhir RM1.30 sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 di Mesyuarat Agung Tahunan. Ini menjadikan dividen yang dibayar pada tahun kewangan 2016 berjumlah RM2.70 sesaham, angka tertinggi bagi Kumpulan.

S1 TK2017

Berpacukan momentum ini, Kumpulan telah memulakan tahun kewangan dengan positif, apabila mencatatkan perolehan sebanyak RM1.4 bilion bagi separuh pertama berakhir 31 Mac 2017, mencerminkan peningkatan 4.4% berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya.

Prestasi ini dicapai menerusi sumbangan lebih tinggi daripada jualan domestik dan eksport. Jualan domestik sebanyak 4.7% mengalami pertumbuhan memberangsangkan hasil promosi pemasaran dan perdagangan yang mantap, dan disokong oleh dasar kukuh daripada produk baru yang diperkenalkan sejak dua tahun lepas, yang terus membawa manfaat kepada Kumpulan. Keputusan kami untuk melabur terlebih dahulu didalam promosi pemasaran dan perdagangan pada suku terakhir 2016 adalah amat tepat sekali dan terbukti memberi keputusan yang positif pada suku pertama 2017 ini.

Sebagai sebahagian daripada usaha inovasi Kumpulan, pelbagai produk baru telah dilancarkan pada suku tahun yang dilaporkan. Ini termasuk MAT KOOL Panda, NESCAFÉ GOLD Creamy Latte dan Dark Latte, MAGGI Hot Mealz, Mi MAGGI Perisa Ayam Bijan Panggang dan KIT KAT

Mini. Jualan eksport juga mencatatkan prestasi kukuh, dengan pertumbuhan 3.6% bagi suku tahun yang dilaporkan.

Struktur untung Kumpulan tetap teguh, disokong oleh inisiatif meningkatkan kecekapan dalaman dan pengurusan kos berhemat yang membantu mengurangkan kesan kenaikan harga komoditi dan penyusutan nilai Ringgit. Hasil daripada pelbagai langkah yang dilaksanakan, Untung Selepas Cukai bagi suku tahun yang dilaporkan meningkat 4.4% kepada RM230 juta.

Tinjauan

En. Hofbauer berkata, "Walaupun keadaan pasaran dijangka mencabar pada tahun 2017, kami yakin bahawa asas kami yang teguh akan membolehkan Kumpulan untuk terus mencapai prestasi yang mantap. Ini dipacu oleh strategi kami, iaitu untuk Menjana, Berinovasi dan Transformasi Demi Pertumbuhan."

"Kami didorong oleh tujuan kami – meningkatkan kualiti kehidupan dan menyumbang kepada masa depan lebih sihat – yang membolehkan kami menjana nilai bagi pemegang saham kami. Dengan tekad memenuhi matlamat ini, kami komited untuk menawarkan minuman dan makanan yang lebih lazat dan lebih sihat, demi rakyat Malaysia yang lebih ceria dan lebih sihat. Ini adalah sejajar dengan janji kami untuk menawarkan *Good Food, Good Life* kepada semua," rumus En. Hofbauer.

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di 189 buah negara di seluruh dunia, dan seramai 328,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, iaitu untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan serta memainkan peranan untuk membina masa depan yang lebih sihat. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecermerlangan dan ketelusan produk Halal kami. Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>

Untuk maklumat lanjut:

Maxine Lim

Nestlé (Malaysia) Berhad
(+603) 7965 5185
+6012-353 1337

E-mel: Maxine.Lim@my.Nestle.com

Tel:

Joanne Lim atau Yasmin Kadir

acorn communications
Tel: (+603) 7958 8348
+6012-304 7604 (Joanne) atau
+6017-237 9048 (Yasmin)
E-mel: acorncommunications@acornco.com.my